

13 JUN 2000

DUA PESAWAT AKAN BAWA PULANG RAKYAT MALAYSIA DARI KEPULAUAN SOLOMON

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Kerajaan Malaysia telah bersetuju menghantar dua pesawat Hercules untuk membawa keluar rakyat Malaysia dari Kepulauan Solomon berikutan perang perkauman di negara itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata terdapat kira-kira 200 rakyat Malaysia di Kepulauan Solomon dengan kira-kira 20 syarikat Malaysia beroperasi di negara itu kebanyakannya dalam kegiatan pembalakan dan perladangan.

Katanya dua pesawat itu akan berlepas ke Kepulauan Solomon petang esok dan singgah di Papua New Guinea sebelum operasi pemindahan dilakukan.

Ditanya kenapa rakyat Malaysia itu dibawa pulang, Syed Hamid berkata: "Keadaan sekarang tidak begitu jelas, jadi adalah baik kita membawa keluar rakyat negara kita."

Syed Hamid memberitahu pemberita demikian di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang dekat sini. Beliau adalah antara menteri kabinet yang berada di lapangan terbang itu menyambut kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kembali ke tanahair daripada lawatan kerja seminggu ke Jepun.

Pergolakan di kepulauan itu tercetus berikutan rampasan kuasa yang menuntut peletakan jawatan Perdana Menteri Bartholomew Ulufa'alu.

-- BERNAMA

HS RON